



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Kestabilan

KEWANGAN BERTERUSAN

RINGKASAN RANCANGAN
KORPORAT 2018 - 2020

→ pengurusan pemegang kepentingan dan tadbir urus korporat

→ pengurusan modal insan strategik → rejim resolusi efektif



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Keutamaan

KEWANGAN BERTERUSAN

RINGKASAN RANCANGAN
KORPORAT 2018 - 2020

Keutamaan
Kewangan Bertulusan
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Keutamaan
Kewangan Bertulusan
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia
Keutamaan
Kewangan Bertulusan
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia





Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

RANCANGAN KORPORAT 2018 - 2020

RINGKASAN EKSEKUTIF



MANDAT

Mentadbir dua sistem perlindungan konsumer kewangan:

- Sistem Insurans Deposit
- Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan:

- Deposit yang disimpan di bank-bank ahli
- Manfaat takaful atau insurans daripada ahli penginsurans

Menyediakan insentif kepada institusi ahli bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan

Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan



VISI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik



MISI

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangannya

manfaat takaful

atau kesemua
atau takaful,
atau insurans;

kewangan; dan

gan.

an bertindak

ecara
nen
ahan
1

KEUTAMAAN STRATEGIK DAN BAHAGIAN FOKUS UTAMA

KEUTAMAAN STRATEGIK	BAHAGIAN FOKUS UTAMA
<p>Rejim Resolusi Efektif</p> <p>Rejim ini adalah untuk membolehkan institusi ahli dapat diurus dan ditangani secara teratur, tanpa gangguan sistemik dan dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan perintis, perundingan industri dan merangka draf undang-undang bagi perancangan resolusi, termasuk penilaian kebolehsesediaan. • Rangka kerja dan metodologi pengkadaran kebolehsesediaan. • Kesiediaan bagi melaksanakan resolusi sesebuah institusi ahli.
<p>Pengurusan Modal Insan Strategik</p> <p>Ini bertujuan mengekalkan persekitaran kerja yang kondusif bagi meningkatkan kecemerlangan dan keberkesanan. PIDM melaksanakan pengurusan modal insan yang aktif sejajar dengan visi, misi dan objektifnya, dan bertujuan untuk memupuk budaya dan persekitaran bagi pembelajaran berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kecekapan, kepimpinan dan pembangunan kakitangan. • Keterlibatan kakitangan. • Pengurusan pengetahuan dan organisasi pembelajaran.
<p>Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat</p> <p>Pengurusan pemegang kepentingan yang efektif adalah penting bagi PIDM untuk mencapai objektifnya dan meningkatkan keyakinan awam sejajar dengan mandatnya untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan orang awam dan program pengiklanan untuk meningkatkan kesedaran mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. • Program pendidikan kewangan bagi meningkatkan lagi celik kewangan dan kesedaran awam mengenai PIDM. • Penglibatan pemegang kepentingan. • Tadbir urus korporat.

SOROTAN RANCANGAN KEWANGAN 2018



Pendapatan

**RM575
juta**



**Perbelanjaan
Operasi**

**RM120
juta**



Perbelanjaan Modal

**RM7.7
juta**



**Kumpulan Dana
Insurans Deposit**

**RM2.4
bilion**



**Kumpulan Dana Perlindungan
Manfaat Takaful dan Insurans**

**RM1.7
bilion**



MANDAT

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) merupakan sebuah badan berkanun.

- (a) Mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- (b) Menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dalam sesebuah bank ahli, atau bagi ahli penginsurans atau takaful, terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- (c) Menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- (d) Menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat di bawah perenggan (b) dan (d), PIDM akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.



VISI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik



MISI

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangannya



NILAI KORPORAT

Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
Kecemerlangan dan Profesionalisme
Hormat dan Adil
Integriti dan Kebolehpercayaan
Komunikasi dan Kerja Berpasukan

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I

RANCANGAN KORPORAT 2018 - 2020

- | | | | |
|---|-----------------------------------|----|-------------------------------|
| 2 | Rangka Kerja Pengurusan Strategik | 5 | Sorotan Rancangan Tiga Tahun |
| 2 | Persekitaran Operasi | 9 | Kad Skor Korporat 2018 - 2020 |
| 4 | Keutamaan Strategik | 11 | Rancangan Kewangan 2018 |
| 4 | Andaian Perancangan Utama | 14 | Unjuran Kewangan 2019 - 2020 |

BAHAGIAN II

PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

- 18 Sorotan Pencapaian Utama 2017
- 20 Imbasan Kad Skor Korporat 2017
- 23 Prestasi Kewangan 2017

BAHAGIAN III

KESIMPULAN

- 26 Langkah-Langkah Seterusnya
- 26 Memantau Kemajuan Berbanding Dengan Rancangan yang Diluluskan
- 26 Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

LAMPIRAN

- | | | | |
|----|-----------------------------------|----|-----------------------------------|
| 28 | Mengenai PIDM | 32 | Rangka Kerja Pengurusan Strategik |
| 29 | Institusi Ahli | 35 | Glosari Istilah |
| 30 | Lembaga Pengarah | 36 | Butiran Hubungan |
| 31 | Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif | | |



RANCANGAN KORPORAT 2018 - 2020

BAHAGIAN I

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

Persekitaran Operasi

Keutamaan Strategik

Andaian Perancangan Utama

Sorotan Rancangan Tiga Tahun

Kad Skor Korporat 2018 - 2020

Rancangan Kewangan 2018

Unjuran Kewangan 2019 - 2020

PIDM menerbitkan Rancangan Korporat tiga tahunnya (Rancangan Korporat) pada setiap tahun. Rancangan Korporat ini menggariskan inisiatif korporat utama bagi tempoh perancangan 2018 - 2020, hasil utama dan sasaran prestasi serta bajet untuk menyokong inisiatif yang ditetapkan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN STRATEGIK

PIDM terus menggunakan rangka kerja pengurusan strategiknya untuk membuat perancangan. Rangka kerja ini menggabungkan penelitian persekitaran operasinya serta pengenalpastian dan penilaian risiko-risiko ketara yang perlu ditangani oleh PIDM agar ia dapat mencapai objektifnya. Andaian perancangan PIDM adalah berdasarkan kepada penelitian persekitaran ini.

PERSEKITARAN OPERASI

Susulan penelitian persekitarannya, PIDM merumuskan penilaiannya seperti berikut:

- (a) Pertumbuhan ekonomi global dijangka terus bertambah baik pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, beberapa risiko jangka pendek masih kekal dalam ekonomi global. Ini termasuk ketidakpastian politik dan dasar dalam ekonomi-ekonomi utama, langkah pengurangan oleh bank-bank pusat, pengetatan kawal selia di China, perkembangan geopolitik dan pasaran kewangan, dan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat.
- (b) Secara keseluruhannya, prospek kekal menggalakkan. Ekonomi Malaysia diunjur berkembang dalam jajaran 5% hingga 5.5%.¹ Permintaan domestik dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Pertumbuhan perbelanjaan swasta dijangka akan dikekalkan dengan upah yang lebih tinggi dan pertumbuhan pekerjaan, manakala aktiviti pelaburan akan disokong oleh projek pembangunan infrastruktur yang baharu dan yang sedang dibangunkan.
- (c) Prospek pertumbuhan positif dan keadaan operasi yang lebih baik memberi petanda baik bagi institusi ahli dan menyediakan peluang untuk membina penimbal. Institusi ahli akan terus kekal kukuh, disokong oleh amalan pengurusan risiko yang wajar serta paras modal dan mudah tunai yang kukuh.

¹ Bajet 2018

PIDM juga telah menilai risiko-risiko ketara untuk mencapai objektifnya, seperti berikut.

KATEGORI RISIKO	PENINGKADARAN RISIKO RESIDUAL	ALIRAN RISIKO
<p>Kewangan Risiko berkaitan dengan pergerakan negatif dalam nilai aset dan liabiliti kewangan PIDM, kedua-duanya di dalam dan di luar lembaran imbangan serta keupayaan PIDM untuk memenuhi obligasi kewangannya.</p>	●	↔
<p>Operasi Risiko berkaitan dengan operasi harian PIDM termasuk kekurangan atau kegagalan proses dan sistem dalaman yang boleh menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan mandatnya.</p>	●	↔
<p>Insurans Risiko berkaitan dengan penilaian, pemantauan, intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli, dan risiko berkaitan lain yang wujud dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.</p>	●	↑
<p>Reputasi Risiko berkaitan dengan reputasi PIDM termasuk kepercayaan dan keyakinan pemegang kepentingan terhadap PIDM, berserta kemampuan dan keupayaan untuk melaksanakan mandatnya.</p>	●	↔
<p>Strategik Risiko berkaitan dengan strategi dan tadbir urus PIDM dalam mencapai mandat, visi, misi, objektif atau inisiatifnya.</p>	●	↔
<p>Kakitangan Risiko berkaitan dengan kakitangan PIDM dan bagaimana PIDM mengurus atau memperlakukan kakitangannya.</p>	●	↑

Definisi Pengkadaran Risiko Residual		Aliran Risiko
<p>● Boleh Diterima Keseluruhannya, risiko residual boleh diterima dan amalan pengurusan risiko yang sewajarnya dilaksanakan.</p>	<p>● Boleh Diurus Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pelan tindakan risiko sebagai mitigasi, dan tindakan yang sesuai dan tepat pada masa dilaksanakan untuk menangani risiko tersebut.</p>	<p>↔ Stabil</p> <p>↑ Meningkat</p> <p>↓ Menurun</p>
<p>● Peringatan Keseluruhannya, risiko residual mewajarkan pemantauan rapi, dan / atau inisiatif yang telah dikenal pasti sebelumnya untuk mengukuhkan pengurusan risiko yang tidak dilaksanakan sepenuhnya, walaupun tindakan yang sesuai dan tepat pada masa sedang dijalankan untuk berbuat demikian.</p>	<p>● Kebimbangan Serius Keseluruhannya, risiko residual tidak boleh diterima, termasuk jurang ketara yang mungkin wujud dalam amalan dan kawalan pengurusan risiko.</p>	

KEUTAMAAN STRATEGIK

Keutamaan strategik jangka panjang PIDM akan terus menjadi panduan kepada inisiatif utamanya sepanjang tempoh perancangan.

Keutamaan Strategik		
Rejim Resolusi Efektif	Pengurusan Modal Insan Strategik	Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat
Objektif		
Rejim ini adalah untuk membolehkan institusi ahli dapat diurus dan ditangani secara teratur, tanpa gangguan sistemik, dan dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Berusaha ke arah mencapai rejim resolusi yang efektif, inisiatif yang dilaksanakan termasuklah membangunkan pelan resolusi dan mengurangkan halangan kepada resolusi efektif untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.	Pengurusan modal insan akan terus mengekalkan persekitaran kerja kondusif yang menggalakkan kecemerlangan dan keberkesanan, menumpukan kepada pengurusan modal insan aktif dan pembelajaran berterusan. PIDM telah menyelaraskan pelan modal insan strategik jangka panjangnya sejajar dengan objektif dan strategi korporat PIDM. Secara khusus, PIDM akan melaksanakan strategi untuk menarik minat, mengekalkan, memberi ganjaran dan melibatkan kakitangan, memastikan kepimpinan yang efektif serta mewujudkan sebuah organisasi pembelajaran.	PIDM akan terus mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama dan memupuk kepercayaan serta keyakinan terhadap PIDM, termasuk menerusi penggalakan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat.

ANDAIAN PERANCANGAN UTAMA

Berikut adalah andaian perancangan utama bagi tempoh perancangan:

- (a) Persekitaran ekonomi domestik dan sistem kewangan akan kekal berdaya tahan;
- (b) Mandat PIDM akan kekal terkini dan relevan;
- (c) PIDM tidak menjangka sebarang intervensi dan resolusi kegagalan semasa tempoh perancangan yang akan memberi kesan buruk kepada sistem kewangan; dan
- (d) PIDM akan terus bergantung kepada pasukan kakitangan yang mahir, disokong oleh penyedia perkhidmatan utama, dan rakan kongsi strategik.

SOROTAN RANCANGAN TIGA TAHUN

Sorotan inisiatif-inisiatif utama bagi setiap keutamaan strategik semasa tempoh perancangan ini adalah seperti berikut.

KEUTAMAAN STRATEGIK: UNTUK MENCAPAI REJIM RESOLUSI EFEKTIF

Sebagai peserta jaringan keselamatan kewangan dengan mandat untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan, PIDM mempunyai tanggungjawab untuk membentuk rejim resolusi yang efektif bagi Malaysia. Usaha ini dipandu oleh Ciri-Ciri Utama Rejim Resolusi Efektif Lembaga Kestabilan Kewangan bagi Institusi Kewangan, disesuaikan yang mana perlu dengan persekitaran Malaysia. Rejim ini adalah untuk membolehkan institusi ahli diurus dan ditangani secara teratur, tanpa gangguan sistemik, dan dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan. Pada masa yang sama, PIDM juga akan terus memastikan kesediaan operasi dalam semua aspek bagi memenuhi mandat semasanya.

HASIL UTAMA BAGI TEMPOH PERANCANGAN	INISIATIF UTAMA	JANGKA MASA
Perancangan Resolusi		
Pembangunan keperluan muktamad PIDM (diuji menerusi latihan perintis) untuk: <ul style="list-style-type: none"> membimbing dan memudahkan pembangunan pelan resolusi; dan menilai kebolehsesediaan institusi ahli. 	Menjalankan latihan perintis perancangan resolusi berikutan penyempurnaan latihan perintis perancangan pemulihan. ²	2018 - 2020
	Berdasarkan hasil latihan perintis dan perundingan industri, PIDM akan mempertingkatkan rangka kerja berkaitan dengan perancangan dan metodologi resolusi.	2018 - 2020
	Membangun dan mengesyorkan pindaan perundangan yang diperlukan bagi perancangan resolusi.	2018 - 2020
Pembangunan insentif bagi institusi ahli untuk mempertingkatkan kebolehsesediaan mereka.	Membangunkan rangka kerja dan metodologi pengkadaran kebolehsesediaan.	2020

² Diterajui oleh Bank Negara Malaysia

RANCANGAN KORPORAT 2018 - 2020

HASIL UTAMA BAGI TEMPOH PERANCANGAN	INISIATIF UTAMA	JANGKA MASA
Kesediaan Operasi		
Pembayaran yang lancar akan menyediakan cara yang lebih efektif untuk mengurus pembayaran deposit yang diinsuranskan. Ia juga sejajar dengan agenda nasional untuk menggalakkan e-pembayaran.	Menyempurnakan pembangunan sistem, polisi dan prosedur berikut bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: <ul style="list-style-type: none"> “Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi” untuk mengekalkan butiran pemilik sijil takaful dan polisi insurans; dan “Sistem Pengurusan Pembayaran” untuk memproses pembayaran kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans. 	2018 - 2020
Mempertingkatkan kesediaan PIDM untuk melaksanakan intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli.	Menjalankan simulasi mini untuk menguji kesediaan bagi pelbagai senario dalam intervensi dan resolusi.	2018
	Membangunkan pelan kerja sebagai persediaan bagi latihan simulasi antara agensi.	2018 - 2019
	Menjalankan latihan simulasi antara agensi.	2020
Memastikan kecukupan pembiayaan dan akses segera kepada dana mudah tunai.	Mengkaji semula asas dan metodologi bagi dana sasaran dan penilaian premium sejajar dengan rangka kerja perancangan resolusi.	2018
	Memuktamadkan pengaturan pembiayaan mudah tunai yang dikenalpasti dan dirancang.	2018

KEUTAMAAN STRATEGIK: PENGURUSAN MODAL INSAN STRATEGIK

Pelan modal insan strategik PIDM dibangunkan pada tahun 2015 untuk menyokong strategi korporat dan pertumbuhan PIDM. Antara strategi utamanya adalah untuk memastikan pengurusan modal insan adalah tanggungjawab bersama antara Bahagian Sumber Manusia dan pengurusnya. PIDM terus melabur dalam tenaga kerjanya dan menggunakan strategi untuk menarik minat, mengekalkan, memberi ganjaran dan melibatkan kakitangan, memastikan kepimpinan efektif, pengurusan penggantian, serta mewujudkan organisasi pembelajaran.

HASIL UTAMA BAGI TEMPOH PERANCANGAN	INISIATIF UTAMA	JANGKA MASA
Membangun dan memupuk pemimpin dan kakitangan sejajar dengan visi, misi dan objektif PIDM.	Melaksanakan penilaian secara menyeluruh bagi setiap kakitangan dan kekuatan kumpulan dengan tujuan mengoptimumkan tenaga kerja dalaman.	2018
	Menyepadukan model kecekapan yang dipertingkatkan dengan strategi modal insan yang berkaitan, seperti tarikan minat dan pengenalpastian tenaga kerja atau pembangunan tenaga kerja.	2018
	Membangun dan melaksanakan kurikulum khusus bagi PIDM. Ini termasuk kurikulum latihan yang menyeluruh bagi perancangan resolusi.	2018 - 2020
Melibat dan mengekalkan tenaga kerja menerusi pemimpin, dan dengan menyediakan peluang berkembang maju, dan memberi ganjaran bagi prestasi mereka.	Menetapkan tanggungjawab yang jelas bagi pengurusan modal insan (termasuk keterlibatan dan pengurusan tenaga kerja) dalam sistem pengurusan prestasi keseluruhan.	2018
	Terus melaksanakan inisiatif untuk mencapai 80% bagi "Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan" dalam kaji selidik kepuasan kerja kakitangan yang seterusnya.	2018 - 2019
	Melaksanakan program kerjaya untuk menyediakan peluang bagi pembangunan kerjaya kakitangan, kemajuan dan pengekalan tenaga kerja utama.	2018 - 2019
Menyediakan persekitaran yang kondusif termasuk budaya pembelajaran.	Melaksanakan pelan strategik pengurusan pengetahuan yang dibangunkan pada tahun 2017. Pelan ini membimbing pemerolehan dan pemindahan pengetahuan efektif dalam kalangan kakitangan PIDM.	2018
	Terus memantapkan budaya pembelajaran dan mewujudkan lebih banyak proses untuk menyokong persekitaran pembelajaran.	2018

KEUTAMAAN STRATEGIK: PENGURUSAN PEMEGANG KEPENTINGAN DAN TADBIR URUS KORPORAT

Hasil pengawalseliaan yang baik sentiasa melibatkan kerjasama dan kolaborasi. Justeru, pengurusan pemegang kepentingan yang efektif penting bagi PIDM untuk mencapai objektifnya. PIDM juga perlu meningkatkan keyakinan awam sejajar dengan mandatnya untuk menggalakkan kestabilan sistem kewangan, yang mana ia boleh dicapai menerusi kempen kesedaran awam dan pematuhan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat.

HASIL UTAMA BAGI TEMPOH PERANCANGAN	INISIATIF UTAMA	JANGKA MASA
Mempertingkatkan penyampaian komunikasi bagi audiens sasarannya untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai PIDM.	Membangun dan melaksanakan kandungan dan bahan baharu bagi kesedaran awam dan pemahaman yang lebih meluas.	2018 - 2020
	Mempertingkatkan titik hubungan awam menerusi penglibatan turun padang dan kemunculan dalam media.	2018 - 2020
	Memfaatkan media sosial sebagai saluran bagi mencapai audiens sasaran yang berbeza.	2018 - 2020
Menggalakkan celik kewangan termasuk mempertingkatkan kesedaran awam mengenai PIDM.	Menyertai Jaringan Pendidikan Kewangan bagi perumusan (2018) dan pelaksanaan (2018 - 2022) strategi celik kewangan kebangsaan.	2018 - 2020
	Bekerjasama dengan dan memanfaatkan jaringan dalam Jaringan Pendidikan Kewangan dan komuniti kewangan bagi usaha lebih bersepadu dan jangkauan audiens sasaran yang lebih luas.	2018 - 2020
Penglibatan dengan pemegang kepentingan utama, termasuk hubungan dengan pemegang kepentingan dalam negara dan antarabangsa adalah perlu bagi rejim resolusi efektif.	Terus melaksanakan strategi penglibatan pemegang kepentingan menyeluruh yang dibangunkan pada tahun 2017 di peringkat atasan.	2018 - 2020
	Penglibatan tetap dengan institusi ahli dalam pembangunan pelan resolusi dan penilaian kebolehsesediaan institusi ahli.	2018 - 2020
	Memeterai memorandum persefahaman dengan pihak berkuasa asing bagi memudahkan kerjasama rentas sempadan dan pertukaran maklumat berkenaan sebarang pelan resolusi dan semasa resolusi.	2020
Memfaatkan rangkaian pengarah institusi kewangan menerusi FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan.	Memfaatkan rangkaian dan acara FIDE FORUM untuk mendekati pengarah institusi kewangan bagi menarik penglibatan mereka dengan inisiatif utama PIDM.	2018 - 2020

KAD SKOR KORPORAT 2018 - 2020

Inisiatif korporat bagi tempoh perancangan ini dan sasaran masing-masing berdasarkan kepada tiga keutamaan strategik dinyatakan dalam halaman-halaman berikut. Kemajuan inisiatif berbanding sasaran akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2018 PIDM.

OBJEKTIF KORPORAT	INISIATIF KORPORAT	SASARAN		
		2018	2019	2020
REJIM RESOLUSI EFEKTIF				
Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh	1 Rejim Resolusi Efektif:			
	a. Perancangan resolusi bagi institusi kewangan:			
	i. Latihan perintis	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Disempurnakan
	ii. Rangka kerja dan metodologi	Dikaji semula	Perundingan	Dilaksanakan
	iii. Pelancaran industri	-	-	Dilaksanakan
	iv. Rangka kerja dan metodologi pengkadaran kebolehsesediaan	Penyelidikan	Dibangunkan	Dilaksanakan
	b. Akta PIDM (merangka draf berkaitan perancangan resolusi)	Dibangunkan	Disempurnakan	Dilaksanakan
	Kesediaan Operasi:			
	c. Simulasi antara agensi	Dibangunkan	Dibangunkan	Disempurnakan
	d. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:			
	i. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Penyelidikan	Dibangunkan	Disempurnakan
	ii. Sistem Pengurusan Pembayaran	Disempurnakan	Dikekalkan	Dikekalkan
	e. Peraturan-peraturan manfaat dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
	f. Arahan manfaat dilindungi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
	g. Peraturan-peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	Dilaksanakan	Dipantau
h. Pembiayaan:				
i. Rancangan pembiayaan alternatif	Disempurnakan	Dikaji semula	Dikaji semula	
ii. Dana sasaran – kumpulan dana takaful	Dilaksanakan	Dikaji semula	Dikaji semula	
TADBIR URUS KORPORAT				
Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	2 a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Pematuhan	Pematuhan	Pematuhan
	b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini	Pematuhan penuh dan dikemas kini
	c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi
	3 Pelaporan menerusi:			
	a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	4 Pematuhan kawalan dalaman dan pengurusan risiko	Kukuh	Kukuh	Kukuh

OBJEKTIF KORPORAT	INISIATIF KORPORAT	SASARAN			
		2018	2019	2020	
TADBIR URUS KORPORAT					
Amalan urus dan kewangan yang mantap	5	Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	± 10% perbezaan	± 10% perbezaan	± 10% perbezaan
	6	Portal industri dalam talian – platform dalam talian bagi mengurus penyerahan Format Fail Standard oleh bank-bank ahli; penyerahan maklumat berkaitan premium dan levi; platform komunikasi masa nyata bagi institusi ahli; dan laman mikro bagi tujuan pembayaran balik	Dibangunkan	Disempurnakan	Dikekalkan
PENGURUSAN PEMEGANG KEPENTINGAN					
Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	7	Indeks kesedaran awam:			
		a. Kesedaran umum mengenai PIDM	65%	67%	Akan ditentukan*
		b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	57%	60%	Akan ditentukan*
	c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	41%	45%	Akan ditentukan*	
	8	Program pendidikan kewangan	Dibangunkan dan dilaksanakan	Dibangunkan dan dilaksanakan	Dikaji semula dan dipertingkatkan
Penglibatan efektif	9	Hubungan PIDM dengan pemegang kepentingan utama	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	10	FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Disokong	Disokong	Disokong
	11	Forum tempatan dan antarabangsa	Penyertaan	Penyertaan	Penyertaan
PENGURUSAN MODAL INSAN STRATEGIK					
Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	12	Pelan modal insan strategik:			
		a. Model kecekapan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dipantau
		b. Strategi keterlibatan kakitangan	Dibangunkan	Dikaji semula	Dibangunkan
		c. Organisasi pembelajaran	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
Persekitaran korporat yang kondusif	13	Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan	-	80%	-

* Akan ditentukan pada masa hadapan

RANCANGAN KEWANGAN 2018

Berikut merupakan rancangan kewangan tahun 2018 bagi sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan keutamaan strategik dan inisiatif yang dirancang oleh PIDM bagi terus memenuhi mandat, visi dan misinya.

Bajet pendapatan serta perbelanjaan operasi dan modal PIDM bagi tahun 2018 digariskan seperti di bawah.

Bajet Operasi

	2018 Bajet		2017 Unjuran*		2017 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
PENDAPATAN						
Premium dan levi	459,000	80	474,300	83	482,000	82
Pendapatan pelaburan	116,000	20	100,300	17	103,000	18
Jumlah Pendapatan	575,000	100	574,600	100	585,000	100
PERBELANJAAN OPERASI						
Operasi dan pentadbiran	19,580	16	17,730	16	21,085	18
Pengurusan modal insan	73,360	61	70,830	63	69,600	58
Inisiatif dan projek	18,960	16	16,830	15	23,465	19
Jumlah Perbelanjaan Operasi sebelum Perbelanjaan Bukan Tunai	111,900	93	105,390	94	114,150	95
Perbelanjaan bukan tunai	8,100	7	6,610	6	5,850	5
Jumlah Perbelanjaan Operasi	120,000	100	112,000	100	120,000	100
Lebihan Bersih	455,000		462,600		465,000	

* Unjuran 2017 = Sebenar (Januari hingga November 2017) + Unjuran (Disember 2017)

Bajet Modal

	2018 Bajet		2017 Unjuran*		2017 Bajet	
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000	(%)
PERBELANJAAN MODAL						
Kenderaan motor	220	3	-	-	-	-
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	1,280	17	260	4	260	4
Sistem komputer dan peralatan pejabat	6,200	80	5,660	96	6,640	96
Jumlah Perbelanjaan Modal	7,700	100	5,920	100	6,900	100

* Unjuran 2017 = Sebenar (Januari hingga November 2017) + Unjuran (Disember 2017)

Ulasan Bajet Pendapatan, Operasi dan Modal

Premium dan levi serta pendapatan pelaburan menyumbang kepada pengumpulan enam Kumpulan Dana Perlindungan yang ditadbir oleh PIDM, selepas ditolak daripada perbelanjaan operasi. Kumpulan Dana Perlindungan dikumpulkan sebagai rizab untuk memenuhi obligasi masa depan PIDM dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagi perbelanjaan, selain daripada perbelanjaan operasi berterusan untuk mengekalkan operasinya, perbelanjaan PIDM diperuntukkan terutamanya bagi inisiatif-inisiatif utama yang berkaitan dengan keutamaan strategiknya.

Pendapatan

- Premium dan levi bagi tahun 2018 adalah berdasarkan kepada struktur kadar "Sistem Premium Berbeza" bagi bank ahli dan struktur kadar "Sistem Levi Berbeza" bagi ahli penginsurans.
- Premium dianggarkan sebanyak RM386.6 juta daripada bank ahli pada tahun 2018, sejajar dengan jangkaan pertumbuhan sederhana dalam "Jumlah Deposit Diinsuranskan".
- Levi dianggarkan sebanyak RM72.4 juta daripada ahli penginsurans, sejajar dengan aliran pertumbuhan dalam liabiliti penilaian aktuari dan premium bersih/sumbangan bersih.
- Pendapatan pelaburan diperoleh daripada aset kewangan PIDM yang terdiri terutamanya daripada sekuriti pelaburan mudah tunai dan berkualiti tinggi beserta deposit pasaran wang. Pendapatan pelaburan bagi tahun 2018 dianggar berjumlah RM116 juta berdasarkan kepada anggaran kadar hasil efektif purata wajaran, yang dijangka tinggi sedikit berbanding tahun 2017. Peningkatan dalam pendapatan pelaburan juga dipacu oleh pertumbuhan dalam asas kumpulan dana yang boleh dilabur.

Perbelanjaan Operasi

- Perbelanjaan operasi dan pentadbiran – Ini adalah perbelanjaan operasi bagi menyokong operasi harian berterusan PIDM. Perbelanjaan ini dijangka kekal stabil sepanjang tempoh perancangan ini.
- Perbelanjaan berkaitan pengurusan modal insan – Sejalan dengan keutamaan “Pengurusan Modal Insan Strategik”, perbelanjaan yang dirancang terdiri daripada kos manfaat dan ganjaran kakitangan, perbelanjaan pembelajaran dan pembangunan, perbelanjaan berkaitan dengan kebajikan kakitangan dan aktiviti keterlibatan kakitangan serta kos inisiatif pengurusan modal insan strategik yang lain. Kenaikan pada tahun 2018 menunjukkan rancangan untuk mempertingkatkan kebolehan dan keupayaan kakitangan, terutamanya dalam bahagian perancangan resolusi.
- Perbelanjaan inisiatif dan projek lain – Ini merupakan perbelanjaan dan kos khusus yang diperuntukkan dalam melaksanakan inisiatif utama, sejajar dengan dua keutamaan strategik, iaitu “Rejim Resolusi Efektif” dan “Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat”.
 - Rejim Resolusi Efektif: Sebanyak RM6.1 juta atau 5% daripada keseluruhan perbelanjaan operasi telah diperuntukkan untuk menyokong keutamaan strategik ini, terutamanya bagi bahagian perancangan resolusi serta memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan.
 - Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat: Sebanyak RM12.8 juta atau 11% daripada keseluruhan perbelanjaan operasi diperuntukkan untuk menyokong keutamaan strategik ini. Daripada jumlah ini, RM10 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan yang telah dirancang untuk melaksanakan aktiviti komunikasi dan kesedaran awam, manakala baki diperuntukkan untuk inisiatif lain seperti penglibatan dengan rakan kongsi dan pemegang kepentingan utama domestik dan antarabangsa termasuk pemain jaringan keselamatan kewangan lain, serta aktiviti bagi mengekalkan dan menggalakkan tadbir urus korporat yang mantap.

Perbelanjaan Modal

Daripada RM7.7 juta jumlah perbelanjaan modal bagi tahun 2018, RM4.3 juta diperuntukkan bagi mempertingkatkan infrastruktur untuk menyokong operasi. Ini termasuk penyenggaraan dan pengubahsuaian pejabat, penggantian kenderaan motor serta menaik taraf infrastruktur teknologi maklumat. Baki RM3.4 juta daripada perbelanjaan modal diperuntukkan untuk menyokong pembangunan instrumen dan infrastruktur utama bagi keutamaan strategik. Ini termasuk mempertingkatkan pembayaran balik dan “Sistem Pengurusan Pembayaran”, membangunkan platform pembelajaran interaktif berasaskan web serta portal industri dalam talian.

RANCANGAN KORPORAT 2018 - 2020

UNJURAN KEWANGAN 2019 - 2020

Unjuran kewangan bagi tahun 2019 dan 2020 telah disediakan berdasarkan kepada inisiatif korporat semasa tempoh perancangan, mengambil kira unjuran konservatif berdasarkan kepada aliran pendapatan dan perbelanjaan PIDM yang lepas.

Penyata Pendapatan Komprehensif Pro Forma

	2018 Bajet	Tahun-Ke-Tahun kenaikan / (pengurangan)	2019 Unjuran	Tahun-Ke-Tahun kenaikan / (pengurangan)	2020 Unjuran
	RM'000	(%)	RM'000	(%)	RM'000
PENDAPATAN					
Premium dan levi	459,000	3	475,000	5	498,450
Pendapatan pelaburan	116,000	15	133,400	16	154,750
Jumlah Pendapatan	575,000	6	608,400	7	653,200
PERBELANJAAN OPERASI					
Manfaat kakitangan	69,650	5	72,820	6	77,430
Perhubungan awam dan pengiklanan	10,000	-	10,000	-	10,000
Susut nilai	7,300	10	8,000	-	8,000
Pajakan operasi	6,150	10	6,790	-	6,790
Perbelanjaan lain	26,900	2	27,390	1	27,780
Jumlah Perbelanjaan Operasi	120,000	4	125,000	4	130,000
Lebihan Bersih	455,000	6	483,400	8	523,200

Penyata Lembaran Imbangan Pro Forma

	2018 Bajet RM'000	2019 Unjuran RM'000	2020 Unjuran RM'000
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	20,000	19,000	18,000
Pelaburan	3,966,700	4,453,900	4,980,400
Aset lain	29,000	32,000	35,000
Hartanah dan peralatan	45,000	40,000	35,000
Jumlah Aset	4,060,700	4,544,900	5,068,400
LIABILITI			
Akaun belum bayar	15,620	16,420	16,720
Jumlah Liabiliti	15,620	16,420	16,720
KUMPULAN DANA DAN RIZAB			
Kumpulan Dana Insurans Deposit			
Baki awal	2,023,980	2,383,340	2,784,570
Lebihan bagi tahun semasa	359,360	401,230	439,490
	2,383,340	2,784,570	3,224,060
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans			
Baki awal	1,566,100	1,661,740	1,743,910
Lebihan baki tahun semasa	95,640	82,170	83,710
	1,661,740	1,743,910	1,827,620
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab	4,045,080	4,528,480	5,051,680
JUMLAH LIABILITI, KUMPULAN DANA DAN RIZAB	4,060,700	4,544,900	5,068,400

RANCANGAN KORPORAT 2018 - 2020

Penyata Aliran Tunai Pro Forma

	2018 Bajet	2019 Unjuran	2020 Unjuran
	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium dan levi daripada institusi ahli	459,000	475,010	498,450
Penerimaan pendapatan pelaburan	119,000	136,000	158,000
Pembayaran kos operasi kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(116,000)	(120,750)	(127,000)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	462,000	490,260	529,450
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Perolehan daripada jualan sekuriti pelaburan	2,416,466	2,905,759	3,400,718
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,866,466)	(3,391,019)	(3,925,168)
Pembelian hartanah dan peralatan	(8,000)	(6,000)	(6,000)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(458,000)	(491,260)	(530,450)
Kenaikan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	4,000	(1,000)	(1,000)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	16,000	20,000	19,000
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	20,000	19,000	18,000



PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

**BAHAGIAN
II**

Sorotan Pencapaian Utama 2017

Imbasan Kad Skor Korporat 2017

Prestasi Kewangan 2017

PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

PIDM telah mencapai kemajuan ketara bagi Rancangan Korporat 2017 - 2019.

SOROTAN PENCAPAIAN UTAMA 2017

REJIM RESOLUSI EFEKTIF



Perancangan Resolusi

- Menganjurkan seminar bersama industri mengenai “Perancangan Pemulihan dan Resolusi” bagi pengarah dan pengurusan kanan kumpulan perbankan pada Julai 2017 untuk menggariskan kepentingan Perancangan Pemulihan dan Resolusi, jangkaan kawal selia serta pelan strategik untuk pelaksanaan di Malaysia, termasuk latihan perintis dan perundingan industri.
- Penglibatan dengan bank perintis, bersama dengan Bank Negara Malaysia, untuk memastikan pelaksanaan latihan perintis yang efektif.
- Penglibatan berterusan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, di dalam dan di luar negara, bagi kerjasama, pertukaran dan penyelarasan maklumat berkenaan dengan sebarang pelan resolusi dan semasa resolusi.
- Memulakan kaji selidik mengenai rangka kerja dan metodologi pengkadaran kebolehseslesaian.

Kesediaan Operasi

- Intervensi dan resolusi kegagalan – menjalankan simulasi pembayaran balik bagi proses pembayaran balik dalam masa tiga hari termasuk aktiviti pelarasan pasca pembayaran, komunikasi dan pembiayaan bagi sebuah bank ahli hipotetikal.
- Sistem berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans untuk menyokong proses pembayaran manfaat yang dilindungi dan pembayaran balik premium sekiranya sesebuah ahli penginsurans dibubarkan – membangunkan “Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium” bagi tujuan menentukan pembayaran balik premium yang belum diperolehi bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans dan “Sistem Pengurusan Tuntutan” bagi tujuan memantau kemajuan tuntutan dan jumlah yang perlu dibayar kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans.
- Pembiayaan – membangunkan rangka kerja kecukupan pembiayaan dan mudah tunai bagi memastikan perancangan pembiayaan mudah tunai yang holistik semasa resolusi.
- Mengeluarkan Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Terma dan Syarat Keanggotaan) (Pindaan) 2017 kepada institusi ahli untuk memastikan terma-terma kekal terkini dan relevan, dan mengambil kira keperluan khusus insurans bagi mencerminkan ciri-ciri unik industri.
- Mengeluarkan Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2017 kepada bank ahli untuk mengukuhkan petunjuk pembiayaan bagi mencerminkan dengan lebih baik penilaian profil pembiayaan bank ahli.

PENGURUSAN MODAL INSAN STRATEGIK



Model Kecekapan

- Menyemak semula definisi kecekapan unik bahagian yang sedia ada dan menerima pakai kecekapan kepimpinan baharu untuk memenuhi jangkaan dan keperluan PIDM yang berubah-ubah.

Pengurusan Kerjaya

- Menyempurnakan pembangunan program kerjaya bagi tiga bahagian, bagi menyediakan peluang pembangunan dan kemajuan kerjaya serta mengekalkan tenaga kerja utama.

Organisasi Pembelajaran

- Menyempurnakan e-buku korporat PIDM bagi memelihara pengetahuan dan maklumat korporat.
- Membangunkan pelan strategik pengurusan pengetahuan.

PENGURUSAN PEMEGANG KEPENTINGAN DAN TADBIR URUS KORPORAT



Kesedaran Awam

- Mengadakan 69 taklimat kepada pelbagai pemegang kepentingan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Kajian Tingkah Laku Pengguna

- Menjalankan kajian tingkah laku pengguna untuk memahami hubungan antara tahap kesedaran awam dan tingkah laku audiens sasaran dalam situasi tidak menentu. Keputusan daripada kajian ini akan digunakan untuk memperkukuhkan strategi dan mesej komunikasi PIDM.

Penglibatan Pemegang Kepentingan

- Mengukuhkan hubungan di peringkat pegawai kanan dalam kalangan pemegang kepentingan dan rakan kongsi strategik termasuk Bank Negara Malaysia, Jabatan Audit Negara, persatuan industri dan pemain jaringan keselamatan kewangan lain.

Tadbir Urus Korporat

- Mewujudkan laman mikro untuk berkongsi amalan terbaik tadbir urus korporat PIDM.

PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

IMBASAN KAD SKOR KORPORAT 2017

Pada tahun 2017, semua inisiatif utama yang dirancang telah disempurnakan dalam tempoh rancangan kewangan yang diluluskan, kecuali satu inisiatif yang telah diberi keutamaan semula seperti yang dijelaskan dalam nota 6 di muka surat 22. Keputusan untuk indeks kesedaran awam akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2017. Manakala 11 inisiatif yang melebihi satu tahun, sedang dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Keputusan unjuran diringkaskan seperti di bawah.

A Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

P Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet

O Hasil (keputusan) inisiatif; penilaian pada tarikh akan datang

D Ditangguhkan disebabkan pengutamaan semula

OBJEKTIF KORPORAT	INISIATIF KORPORAT	SASARAN 2017	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2017
-------------------	--------------------	--------------	----------------------------



Pemegang Kepentingan

A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

1. Indeks kesedaran awam:

a. Kesedaran umum mengenai PIDM	63%	O ¹
b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	53%	O ¹
c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	38%	O ¹

2. Pelan Komunikasi Bersepadu Disempurnakan **A**

B Perkongsian efektif

3. Hubungan PIDM dengan:

a. Bank Negara Malaysia (BNM)	Kukuh	A
b. Institusi ahli dan persatuan industri mereka	Memuaskan	A
c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain	Kukuh	A
d. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik	Kukuh	A
e. Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans	Kukuh	A
f. Pemegang kepentingan utama lain	Memuaskan	A

4. Forum antarabangsa lain Penyertaan aktif **A**



Tadbir Urus dan Proses Dalam


C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

5a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan Pematuhan **A**



5b. Perundangan serta polisi dan amalan korporat utama yang dipatuhi serta kekal terkini dan relevan Pematuhan penuh dan dikemas kini **A**

5c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah Tahap kepuasan tinggi **A**

PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

OBJEKTIF KORPORAT	INISIATIF KORPORAT	SASARAN 2017	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2017
 Tadbir Urus dan Proses Dalaman			
C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6a. Akta PIDM	Dikaji semula	P ²
	i. Merangka draf berkaitan perancangan resolusi	Penyelidikan dan dibangunkan	P ²
D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh	7a. Model penilaian bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Disempurnakan	A
	7b. Pelan strategik bagi kebolehelesaian	Dibangunkan	P ³
	7c. Perancangan resolusi bagi institusi kewangan:		
	i. Rangka kerja dan garis panduan perancangan resolusi	Dikaji semula	P ⁴
	ii. Rangka kerja penilaian kebolehelesaian	Dikaji semula	P ⁴
	iii. Rangka kerja dan metodologi pengkadaran kebolehelesaian bagi sistem premium berbeza	Penyelidikan	P ⁵
	7d. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:		
	i. Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium	Dilaksanakan	A
	ii. Sistem Pengurusan Tuntutan	Dilaksanakan	A
	iii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	Dibangunkan	D ⁶
	iv. Sistem Pengurusan Pembayaran	Dibangunkan	P ⁷
	7e. Peraturan-Peraturan:		
	i. Peraturan-peraturan maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji semula	P ⁸
	ii. Peraturan-peraturan terma dan syarat keahlian – Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	A
7f. Program pematuhan institusi ahli dengan undang-undang PIDM bagi ahli penginsurans	Dibangunkan	A	
8. FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Penyertaan aktif dan disokong	A	
E Amalan urus dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan menerusi:		
	a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A
	b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A

PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

OBJEKTIF KORPORAT	INISIATIF KORPORAT	SASARAN 2017	KEPUTUSAN UNJURAN DIS 2017
 Tadbir Urus dan Proses Dalaman			
E Amalan urus dan kewangan yang mantap	10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	± 10% perbezaan	A ⁹
	11. Pematuhan kawalan dalaman dan pengurusan risiko	Kukuh	A
	12. Audit pengurusan	Dilaksanakan	P ¹⁰
	13a(i). Rangka kerja kecukupan pembiayaan dan mudah tunai – Rancangan pembiayaan alternatif	Dibangunkan	P ¹¹
	13a(ii). Dana sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans – kumpulan dana takaful	Dibangunkan	A
	13b. Pelan strategik teknologi maklumat tahunan	Disempurnakan	P ¹²
	13c. Pusat pemulihan bencana dan infrastruktur	Diuji	A
	13d. Pengurusan keselamatan maklumat korporat	Dikekalkan	A
 Pembelajaran dan Pembangunan			
F Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	14. Pengurusan modal insan strategik	Dilaksanakan	A
G Persekitaran korporat yang kondusif	15. Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali untuk mengukur tahap keterlibatan kakitangan)	80%	A

¹ Keputusan kaji selidik konsumen tahunan akan dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2017.

² Semakan semula dan penggubalan pindaan undang-undang yang relevan berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

³ Pembangunan kertas polisi berjalan lancar dan akan diteruskan pada tahun 2018 seperti yang dijadualkan.

⁴ Susulan selesainya draf pertama pada tahun 2016, semakan semula rangka kerja dan garis panduan akan berterusan dan mengambil kira hasil daripada latihan perintis.

⁵ Usaha penyelidikan berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan akan diteruskan pada tahun 2018.

⁶ "Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi" adalah satu sistem yang akan menyokong PIDM, untuk menyediakan butiran terperinci kepada pemilik polisi mengenai manfaat yang dilindungi dan tuntutan yang berkaitan, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Pembangunan "Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi" diutamakan semula bagi memenuhi cadangan perubahan kepada peraturan-peraturan PIDM mengenai manfaat yang dilindungi. Pengutamaan semula ini juga akan membolehkan PIDM menguji data menerusi "Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium" dan "Sistem Pengurusan Tuntutan" yang telah disempurnakan pada tahun 2017.

⁷ Pembangunan sistem ini sedang berjalan lancar dan akan diteruskan pada tahun 2018.

⁸ Kajian semula peraturan-peraturan sedang berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

⁹ Perbezaan positif telah dicapai bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal.

¹⁰ Kerja audit sedang berjalan lancar seperti yang dijadualkan dan akan diteruskan pada tahun 2018 dan 2019 sejajar dengan pelan audit yang diluluskan.

¹¹ Rangka kerja kecukupan pembiayaan dan mudah tunai telah dibangunkan dan pelbagai rancangan bagi pembiayaan mudah tunai semasa resolusi berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

¹² Menyempurnakan inisiatif-inisiatif utama yang telah diberi keutamaan semula dalam pelan strategik teknologi maklumat. Pembangunan dan / atau pengukuhan sistem operasi yang melebihi tempoh setahun berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

PRESTASI KEWANGAN 2017

Keputusan Operasi

	2017	2017	Perbezaan	
	Unjuran*	Bajet	RM'000	(%)
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
PENDAPATAN				
Premium dan levi	474,300	482,000	(7,700)	(2)
Pendapatan pelaburan	100,300	103,000	(2,700)	(3)
Jumlah Pendapatan	574,600	585,000	(10,400)	(2)
PERBELANJAAN OPERASI				
Manfaat kakitangan	68,110	65,500	(2,610)	(4)
Perhubungan awam dan pengiklanan	9,300	11,300	2,000	18
Susut nilai	5,960	5,550	(410)	(7)
Pajakan operasi	6,050	6,050	-	-
Perbelanjaan lain	22,580	31,600	9,020	29
Jumlah Perbelanjaan Operasi	112,000	120,000	8,000	7
Lebihan Bersih	462,600	465,000	(2,400)	**

Perbelanjaan Modal

	2017	2017	Perbezaan	
	Unjuran*	Bajet	RM'000	(%)
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)
Kenderaan motor	-	-	-	-
Perabot, kelengkapan dan ubah suai pejabat	260	260	-	-
Sistem komputer dan peralatan pejabat	5,660	6,640	980	15
Jumlah Perbelanjaan Modal	5,920	6,900	980	14

* Unjuran 2017 = Sebenar (Januari hingga November 2017) + Unjuran (Disember 2017)

** Amaun tersebut adalah di bawah nilai ambang pembundaran

PERBANDINGAN PRESTASI DENGAN RANCANGAN KORPORAT TAHUN SEBELUMNYA

Ulasan Prestasi Kewangan Tahun 2017

Lebih Bersih

PIDM mengunjurkan lebih bersih operasi sebanyak RM462.6 juta, lebih rendah berbanding bajet tahun 2017, iaitu sebanyak RM465 juta. Perbezaan negatif sebanyak RM2.4 juta atau 0.5% adalah terutamanya disebabkan oleh penerimaan premium dan levi yang lebih rendah daripada yang dijangkakan. Perbezaan ini diimbangi oleh perbelanjaan operasi yang lebih rendah berbanding bajet.

Pendapatan

Jumlah premium dan levi yang diterima daripada institusi ahli pada tahun ini adalah sebanyak RM474.3 juta, lebih rendah berbanding bajet sebanyak RM7.7 juta atau 2%. Ini disebabkan terutamanya oleh penambahbaikan dalam kategori premium atau levi bagi beberapa institusi ahli.

Keseluruhan pendapatan pelaburan bagi tahun ini diunjurkan berjumlah RM100.3 juta, iaitu RM2.7 juta atau 3% lebih rendah berbanding bajet. Ini disebabkan terutamanya oleh pulangan purata wajaran tahun ini yang lebih rendah berbanding bajet.

Perbelanjaan Operasi

Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2017 diunjurkan sebanyak RM112 juta, iaitu RM8 juta atau 7% lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan utama berbanding bajet disebabkan terutamanya oleh:

- Perbelanjaan lebih rendah untuk pembangunan kandungan bagi aktiviti berkaitan pengiklanan dan beberapa inisiatif perhubungan awam; dan
- Perbezaan positif beberapa perbelanjaan utama lain seperti yang dijangka, termasuk fi khidmat profesional dan perundingan, urusan perbelanjaan perjalanan dan penyenggaraan pejabat, terutamanya kos penyenggaraan yang lebih rendah berkaitan dengan pusat pemulihan bencana.

Perbelanjaan Modal

PIDM menjangkakan penggunaan sebanyak RM5.9 juta untuk perbelanjaan modal, iaitu 14% lebih rendah berbanding bajet disebabkan terutamanya oleh penjimatan kos pemerolehan perkakasan bagi projek infrastruktur teknologi maklumat.



**BAHAGIAN
III**

KESIMPULAN

Langkah-Langkah Seterusnya

Memantau Kemajuan Berbanding Dengan
Rancangan yang Diluluskan

Halangan Pencapaian Rancangan Korporat

KESIMPULAN

LANGKAH-LANGKAH SETERUSNYA

Rancangan Korporat ini meringkaskan inisiatif-inisiatif korporat yang akan dilaksanakan semasa tempoh perancangan ini. Inisiatif ini akan disebarluaskan ke seluruh PIDM bagi pembangunan petunjuk prestasi utama individu. Program penggajian dan ganjaran PIDM berhubungkait dengan pencapaian sasaran tahunan yang digariskan dalam Rancangan Korporat ini.

MEMANTAU KEMAJUAN BERBANDING DENGAN RANCANGAN YANG DILULUSKAN

Kemajuan inisiatif tahun 2018 - 2020 akan dipantau dan dilaporkan kepada kedua-dua Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Laporan tersebut juga akan mengetengahkan keputusan dan perbezaan kewangan utama. Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan kemajuan dalam mencapai sasaran, unjuran kewangan juga disediakan.

PIDM akan terus memantau persekitarannya untuk memastikan Rancangan Korporat kekal relevan. Semakan semula mungkin dibuat terhadap Rancangan Korporat ini, yang mana bersesuaian, sekiranya terdapat perubahan dalam andaian atau keutamaan akibat daripada perkembangan negatif yang ketara.

HALANGAN PENCAPAIAN RANCANGAN KORPORAT

Aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli bermasalah atau kehilangan kakitangan utama boleh mendorong kepada pengutamaan semula inisiatif yang dirancang serta penumpuan semula sumber yang tersedia terhadap usaha yang harus dijalankan. Bagi menangani potensi risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan ini, PIDM telah membangunkan pelan tindakan berikut:

- PIDM akan mengutamakan semula inisiatifnya serta menyelaras sumber tersedia dan pada masa yang sama, mengekalkan operasi semua fungsi kritikal, sekiranya aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan berlaku semasa tempoh perancangan ini; dan
- PIDM akan terus memantau perancangan penggantian bagi jawatan-jawatan utama untuk memastikan kesan daripada kehilangan kakitangan penting dapat dikurangkan.

Meskipun peristiwa-peristiwa sedemikian adalah di luar kawalan PIDM, pemantauan persekitaran operasinya akan diteruskan bagi memastikan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian Rancangan Korporatnya dapat ditangani dan kesannya dapat dikurangkan.



LAMPIRAN

Mengenai PIDM

Institusi Ahli

Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Rangka Kerja Pengurusan Strategik

Glosari Istilah

Butiran Hubungan

MENGENAI PIDM

PIDM merupakan badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM).³ Peranannya di bawah Akta PIDM adalah untuk mentadbir dan menyediakan insurans deposit bagi melindungi pendeposit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit mereka serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans bagi melindungi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi ahli.

Sebagai sebahagian penting daripada jaringan keselamatan kewangan negara, PIDM mempunyai kuasa yang luas untuk melaksanakan aktiviti intervensi lebih awal dan resolusi terhadap institusi ahli bermasalah. PIDM mempunyai obligasi berkanun untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan bertindak demi kepentingan pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans. PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan. PIDM dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation* dalam konteks antarabangsa.



³ Pindaan dibuat pada tahun 2010 dan 2015

Institusi ahli PIDM terdiri daripada:

- bank perdagangan dan bank Islam, termasuk bank luar negara yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan
- syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau insurans am di Malaysia dan pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau takaful am di Malaysia.

PADA 5 JANUARI 2018, INSTITUSI AHLI PIDM IALAH SEPERTI BERIKUT:

BANK PERDAGANGAN

1.	Affin Bank Berhad
2.	Alliance Bank Malaysia Berhad
3.	AmBank (M) Berhad
4.	Bangkok Bank Berhad
5.	Bank of America Malaysia Berhad
6.	Bank of China (Malaysia) Berhad
7.	Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad *
8.	BNP Paribas Malaysia Berhad *
9.	China Construction Bank (Malaysia) Berhad
10.	CIMB Bank Berhad
11.	Citibank Berhad *
12.	Deutsche Bank (Malaysia) Berhad *
13.	Hong Leong Bank Berhad
14.	HSBC Bank Malaysia Berhad
15.	India International Bank (Malaysia) Berhad
16.	Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
17.	J.P. Morgan Chase Bank Berhad
18.	Malayan Banking Berhad
19.	Mizuho Bank (Malaysia) Berhad
20.	National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad
21.	OCBC Bank (Malaysia) Berhad
22.	Public Bank Berhad
23.	RHB Bank Berhad
24.	Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
25.	Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
26.	The Bank of Nova Scotia Berhad
27.	United Overseas Bank (Malaysia) Bhd *

BANK ISLAM

1.	Affin Islamic Bank Berhad
2.	Alliance Islamic Bank Berhad
3.	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4.	AmBank Islamic Berhad
5.	Asian Finance Bank Berhad
6.	Bank Islam Malaysia Berhad
7.	Bank Muamalat Malaysia Berhad
8.	CIMB Islamic Bank Berhad
9.	Hong Leong Islamic Bank Berhad
10.	HSBC Amanah Malaysia Berhad
11.	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
12.	Maybank Islamic Berhad
13.	OCBC Al-Amin Bank Berhad
14.	Public Islamic Bank Berhad
15.	RHB Islamic Bank Berhad
16.	Standard Chartered Saadiq Berhad

PENGENDALI TAKAFUL

1.	AIA Public Takaful Bhd.
2.	AmMetLife Takaful Berhad
3.	Etiqa Family Takaful Berhad
4.	Etiqa General Takaful Berhad
5.	Great Eastern Takaful Berhad
6.	Hong Leong MSIG Takaful Berhad
7.	HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad
8.	Prudential BSN Takaful Berhad
9.	Sun Life Malaysia Takaful Berhad
10.	Syarikat Takaful Malaysia Berhad
11.	Takaful Ikhlas Berhad
12.	Zurich Takaful Malaysia Berhad

SYARIKAT INSURANS

1.	AIA Bhd.
2.	AIG Malaysia Insurance Berhad
3.	Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
4.	Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
5.	AmGeneral Insurance Berhad
6.	AmMetLife Insurance Berhad
7.	AXA Affin General Insurance Berhad
8.	AXA Affin Life Insurance Berhad
9.	Berjaya Sampo Insurance Berhad
10.	Chubb Insurance Malaysia Berhad
11.	Etiqa General Insurance Berhad
12.	Etiqa Life Insurance Berhad
13.	Gibraltar BSN Life Berhad
14.	Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
15.	Hong Leong Assurance Berhad
16.	Liberty Insurance Berhad
17.	Lonpac Insurance Bhd
18.	Manulife Insurance Berhad
19.	MCIS Insurance Berhad
20.	MPI Generali Insurans Berhad
21.	MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
22.	Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad (formerly known as Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad)
23.	Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
24.	Progressive Insurance Bhd
25.	Prudential Assurance Malaysia Berhad
26.	QBE Insurance (Malaysia) Berhad
27.	RHB Insurance Berhad
28.	The Pacific Insurance Berhad
29.	Sun Life Malaysia Assurance Berhad
30.	Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
31.	Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
32.	Tune Insurance Malaysia Berhad
33.	Zurich General Insurance Malaysia Berhad
34.	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

* menandakan bank ini menyediakan perniagaan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). SPI ditakrif oleh Bank Negara Malaysia sebagai skim perbankan Islam yang disediakan oleh institusi berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan berasaskan prinsip-prinsip Islam

LEMBAGA PENGARAH

PIDM ditadbir oleh ahli Lembaga Pengarah daripada sektor awam dan swasta yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urusan dan hal ehwal PIDM.

Pengerusi bukan eksekutif mengetuai Lembaga Pengarah. Di bawah Akta PIDM, Pengerusi perlu mempunyai pengalaman dalam sektor swasta yang berkaitan. Terdapat dua Pengarah *ex officio*, iaitu Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.



**TAN SRI DR. RAHAMAT
BIVI YUSOFF**
Pengerusi



MUHAMMAD IBRAHIM
Pengarah *Ex Officio*



**TAN SRI DR. MOHD IRWAN
SERIGAR ABDULLAH**
Pengarah *Ex Officio*



**DATO DR. NIK RAMLAH
MAHMOOD**
Pengarah Sektor Awam



**ENCIK JOHAN
MAHMOOD MERICAN**
Pengarah Sektor Awam



MR. ALEX FOONG SOO HAH
Pengarah Sektor Swasta



DATO' DR. GAN WEE BENG
Pengarah Sektor Swasta



MS. GLORIA GOH
Pengarah Sektor Swasta

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa ini merupakan forum perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahli-ahlinya bertanggungjawab menguruskan urusan dan hal ehwal harian PIDM, dan menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urusnya. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif bertujuan untuk memudahkan komunikasi, kerja berpasukan, dan kerjasama yang efektif dalam semua bidang kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.

1. **RAFIZ AZUAN ABDULLAH**
Ketua Pegawai Eksekutif



2. **LIM YAM POH**
Ketua Pegawai Operasi dan
Kaunsel Am


3. **LEE YEE MING**
Pengurus Besar Kanan,
Penilaian Risiko dan Resolusi

4. **LIM LEE NA**
Setiausaha Korporat



5. **WAN AHMAD IKRAM**
WAN AHMAD LOTFI
Ketua Pegawai Kewangan dan
Pengurus Besar, Kewangan
dan Pentadbiran


6. **ZUFAR SULEIMAN ABU BAKAR**
Ketua Pegawai Risiko dan
Pengurus Besar,
Pengurusan Risiko Organisasi



7. **AFIZA ABDULLAH**
Pengurus Besar,
Polisi dan Antarabangsa

8. **CHUA EE LEEN**
Pengurus Besar,
Perancangan Strategik

9. **HELENA PREMA JOHN**
Pengurus Besar,
Sumber Manusia



10. **LIM KONG KUAN**
Pengurus Besar,
Keahlian dan Pembayaran Balik

11. **LIM TAI CHING**
Pengurus Besar,
Perundangan


12. **SARINA ARIFFIN**
Pemangku Pengurus Besar,
Komunikasi dan Hal Ehwal Awam



13. **AZIRRUAN ARIFFIN**
Ketua, Perkhidmatan Guna Sama

RANGKA KERJA PENGURUSAN STRATEGIK

Piramid pengurusan strategik PIDM memaparkan bagaimana PIDM membangunkan Rancangan Korporatnya dengan menyelaraskan inisiatif-inisiatif terhadap objektif korporat bagi mencapai mandat, visi dan misinya. Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan strategik PIDM adalah seperti berikut.



MANDAT

Mandat PIDM ialah untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit dan menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Dalam mencapai matlamat di perenggan (b) dan (d), PIDM akan bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

VISI

Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi dengan amalan terbaik.

MISI

Melaksanakan mandat secara efektif, dengan komitmen untuk membawa perubahan kepada komuniti dan kakitangannya.

NILAI KORPORAT



Pengelolaan Kewangan yang Berhemat

PIDM harus melaksanakan integriti kewangan dalam pengurusan operasinya.



Kecemerlangan dan Profesionalisme

PIDM menggalakkan kecemerlangan dan profesionalisme dalam mengendalikan urusan dan hal ehwalnya. Kakitangan perlu:

- bersikap profesional;
- didorong oleh prestasi;
- mengambil risiko pintar untuk mencapai penyelesaian yang kreatif dan inovatif;
- berusaha mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kerja;
- bertanggungjawab atas tindakan mereka; dan
- menerima kebertanggungjawaban untuk mencapai hasil yang disasarkan.



Integriti dan Kebolehpercayaan

Kakitangan akan mematuhi piawaian etika tertinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka harus:

- bertindak dan berurusan dengan niat yang ikhlas;
- menampilkan tahap integriti yang tinggi; dan
- mewujudkan suasana kepercayaan dan keyakinan.



Hormat dan Adil

Kakitangan harus saling menghormati antara satu sama lain yang mana mereka perlu:

- menghargai dan menghormati kepelbagaian idea dan pandangan;
- menjalin hubungan kerjasama dengan orang lain berasaskan kepada kepercayaan dan rasa hormat; dan
- menghormati perasaan orang lain.

PIDM harus mengurus dan menyokong kakitangannya secara adil dan konsisten dengan:

- menyediakan persekitaran yang mana kakitangan diberikan peluang sama rata dan boleh menunjukkan prestasi optimum;
- memastikan kakitangan diberi pertimbangan bagi kenaikan pangkat berdasarkan keupayaan, prestasi kerja dan kecenderungan;
- membahagikan tugas dengan sewajarnya dengan kuasa dan tanggungjawab yang jelas;
- menggalakkan inovasi dan bekerja dalam suasana berpasukan; dan
- menyatakan harapan dan memantau prestasi.



Komunikasi dan Kerja Berpasukan

Kakitangan akan mengekalkan komunikasi terbuka dan bekerjasama ke arah mencapai mandat PIDM. Kakitangan akan bekerjasama secara efektif antara satu sama lain bagi mencapai matlamat organisasi yang sama yang mana mereka harus:

- melibatkan diri secara aktif;
- menyediakan dan memperoleh input;
- mengiktiraf sumbangan orang lain;
- berkomunikasi dengan jelas; dan
- bersikap terbuka dan mudah dihubungi pemegang kepentingan.

RANGKA KERJA PENGURUSAN STRATEGIK

OBJEKTIF KORPORAT

Objektif korporat PIDM adalah berdasarkan kepada keutamaan strategiknya, iaitu Rejim Resolusi Efektif, Pengurusan Modal Insan Strategik serta Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Tadbir Urus Korporat.

 <p>REJIM RESOLUSI EFEKTIF</p>	<p>Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh</p> <p>Oleh sebab kesediaan operasi kekal sebagai fokus utama PIDM, PIDM mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan untuk menangani aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan efektif. PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza, Sistem Levi Berbeza serta polisi, peraturan dan garis panduan berkaitan.</p>
 <p>TADBIR URUS KORPORAT</p>	<p>Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik</p> <p>PIDM menunjukkan bahawa ia ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tata laku urusan dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif. Bagi mencapai nilai-nilai ini, PIDM menanda aras terhadap amalan tadbir urus dan pengurusan terkemuka.</p> <p>Amalan urusan dan kewangan yang mantap</p> <p>Bagi mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif, PIDM terus memastikan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang mantap agar kekal terkini dan relevan. Amalan mantap yang mentadbir operasi PIDM adalah berdasarkan kepada usaha menanda aras PIDM terhadap amalan terbaik antarabangsa yang relevan. PIDM juga terus membangunkan kapasiti dan keupayaannya bagi memastikan kecemerlangan operasi supaya dapat memenuhi peranan dan tanggungjawabnya dengan efektif.</p>
 <p>PENGURUSAN PEMEGANG KEPENTINGAN</p>	<p>Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat</p> <p>Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting kepada keberkesanan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM mendidik pemegang kepentingannya dan orang awam menerusi kempen kesedaran awam dan program pendidikan yang komprehensif.</p> <p>Penglibatan efektif</p> <p>Berdasarkan kepada model urusan PIDM, penglibatan efektif adalah penting bagi memenuhi mandatnya. PIDM bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategiknya Bank Negara Malaysia, institusi ahli dan persatuan industrinya, FIDE FORUM, alumni Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, badan kawal selia, penginsurans deposit dan skim jaminan insurans yang lain serta penyedia perkhidmatan utama. PIDM mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan utamanya apabila membangunkan peraturan dan garis panduan.</p>
 <p>PENGURUSAN MODAL INSAN STRATEGIK</p>	<p>Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan</p> <p>Kakitangan merupakan aset paling penting bagi PIDM. PIDM menyediakan pakej dan program pengajian yang kompetitif untuk menarik minat dan mengekalkan tenaga kerja dengan kepakaran, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. PIDM komited dalam menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangannya untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka, supaya mereka dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya.</p> <p>Persekitaran korporat yang kondusif</p> <p>PIDM memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporatnya serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat, bebas daripada gangguan serta menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan.</p>

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank Islam ahli atau bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperolehi, ditolak kos operasi bagi Sistem Insurans Deposit konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperolehi, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat dan faedah diperolehi, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Keluarga

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos operasi bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Indeks Tahap Keterlibatan Berterusan

Kekuatan hubungan pekerja terhadap organisasi berdasarkan komitmen dalam mencapai matlamat kerja, pemberdayaan dan pengalaman kerja yang menggalakkan kesejahteraan.

Jumlah Deposit Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

Kumpulan Dana Perlindungan

Merujuk kepada Dana Insurans Deposit Konvensional, Dana Insurans Deposit Islam, Dana Perlindungan Insurans Am, Dana Perlindungan Insurans Hayat, Dana Perlindungan Takaful Am, dan Dana Perlindungan Takaful Keluarga.

Sistem Insurans Deposit

Perlindungan oleh PIDM untuk pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan yang disimpan dalam bank ahli, sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Sistem Levi Berbeza

Sistem yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan kepada profil risiko masing-masing.

Sistem Pengurusan Maklumat Pembayaran Balik Premium

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk menentukan pembayaran balik premium yang belum diperolehi bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekira berlaku pembayaran.

Sistem Pengurusan Pembayaran

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses pembayaran balik kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekira berlaku pembayaran.

Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk mengekalkan butiran perinci pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekira berlaku pembayaran.

Sistem Pengurusan Tuntutan

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memantau kemajuan tuntutan dan jumlah yang perlu dibayar bagi pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekira berlaku pembayaran.

Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Perlindungan oleh PIDM untuk pemilik sijil takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans mereka yang layak, sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.



TALIAN MAKLUMAT BEBAS TOL

1 - 800 - 88 - 1266
Isnin hingga Jumaat
8.30 pagi hingga 5.30 petang

TALIAN UMUM

603 - 2173 7436
603 - 2265 6565

FAKS

603 - 2173 7527
603 - 2260 7432



LAMAN WEB

www.pidm.gov.my
Soalan-soalan lazim mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans boleh didapati di laman web PIDM



EMEL

info@pidm.gov.my



ALAMAT

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Menara Axiata,
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur.